

Kerajaan serius atasi pengangguran

Percepat lantikan kakitangan awam, tingkat pelaburan dalam ICT sedia peluang kerja: Najib

Oleh Ahmad Ghazali Musa

PEKAN: Datuk Seri Najib Razak berkata, kerajaan sudah mengambil pelbagai langkah sewajarnya menangani masalah pengangguran di kalangan siswazah, termasuk mempercepatkan pelantikan kakitangan kerajaan bagi mengisi kekosongan jawatan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, usaha juga dilakukan bagi mengembangkan ekonomi negara melalui usaha menarik pelaburan asing bagi menambah peluang pekerjaan seperti dalam bidang teknologi maklumat dan telekomunikasi (ICT).

Malah, beliau berkata, pelbagai langkah baru lain turut dilakukan bagi menyediakan lebih banyak peluang kerja tambahan bagi mengurangkan kadar pengangguran siswazah.

"Kita sudah ambil langkah atasi masalah pengangguran dan salah satu perkara diputuskan tahun lalu supaya kerajaan mempercepatkan proses pelantikan kakitangan kerajaan bagi mengisi kekosongan jawatan.

"Selain itu, usaha mengembangkan ekonomi negara melalui pelaburan dan ini dapat tambah peluang kerja seperti dalam bidang ICT. Be-

berapa langkah baru turut dilakukan bagi menyediakan peluang kerja tambahan," katanya kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Pembinaan Kampus Tetap Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Kuala Pahang, dekat sini, semalam.

Turut hadir Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed; Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yakob; isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Datuk Hilmy Taib dan Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Mohamed Said

FAKTA NOMBOR

Kampus tetap UMP

298

Hektar luas kawasan

20,000

Pelajar

Mat Lela serta lebih 7,000 tetamu.

Kampus tetap UMP dibangunkan dalam dua fasa dengan fasa pertama dijangka siap dalam dua tahun.

Fasa pertama membabitkan pembinaan empat fakulti iaitu Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik; Kejuruteraan Mekanikal; Sistem Komputer dan Sistem Kejuruteraan Perisian; serta Kejuruteraan Pembuatan.

Fasa berkenaan turut membabitkan pembinaan blok pentadbiran utama, dewan konvensyen dan asrama yang berkemampuan menampung sehingga 4,000 pelajar.

Fasa kedua membabitkan pembinaan lima lagi fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli; Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam; Fakulti Pengurusan Teknologi; Fakulti Sains Industri dan Fakulti Kejuruteraan Mekatronik.

Buat masa ini, UMP beroperasi di Gambang, Kuantan menempatkan 3,500 pelajar mengikuti pengajian di Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli; Kejuruteraan Mekanikal; Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam; Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik; serta Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian.



PELUANG PELAJARAN: Najib diberi penerangan oleh Dr Mohamed Said (kiri) mengenai model UMP di Pekan, semalam. Turut hadir Mustapa (dua dari kiri), Rosmah dan Adnan.